



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 October 2015

# JANGAN PANDANG REMEH MALAYSIA

UM - 1/10/2015



AZMI HASSAN

**M**UNGKIN ramai rakyat Malaysia yang merasa agak sinis dengan kemampuan negara ini terutama sekali jika ia bersangkut-paut dengan pengamalan dasar luar yang membabitkan isu sensitif dan kuasa besar dunia.

Sebab itu jugalah golongan yang serupa ini merasa tiada apa yang perlu dibanggakan apabila Malaysia dipilih menduduki salah satu kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) dalam undian pada 16 Oktober tahun lalu.

Mungkin juga dengan berbealkan persepsi sedemikian, ada juga dalam kalangan rakyat Malaysia sanggup menggunakan medan antarabangsa untuk memburukkan imej negara sendiri kerana mengandikan masyarakat antarabangsa sememangnya memandang remeh dan rendah terhadap Malaysia.

Tetapi agak berbeza pula dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menegaskan Malaysia adalah sebuah negara hebat bukan di pentas ASEAN tetapi di arena antarabangsa.

"Malaysia sebenarnya adalah sebuah negara yang hebat. Saya telah pergi ke banyak negara di dunia... tiada yang dapat menandingi Malaysia," kata Najib ketika berucap pada majlis ramah mesra bersama rakyat Malaysia di bangunan Misi Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) New York, dua hari lalu.

Begitu ironis kerana ucapan tersebut disampaikan di hadapan pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Amerika Syarikat (AS) yang lazimnya mempunyai pandangan kritis terutama sekali yang bersangkut paut dengan Malaysia. Strategi Najib berhadapan dengan kelompok ini memamerkan keyakinan beliau bahawa Malaysia sememangnya sebuah negara yang disegani oleh negara lain.

Satu perkara yang jarang dihiraukan oleh rakyat Malaysia adalah pengamalan dasar luar negara berlandaskan keadilan dan mempertahankan kedaulatan negara walaupun terpaksa berhadapan dengan kuasa besar dunia yang lain.

Asasnya adalah pengamalan dasar luar negara berpaksikan kepada kepercayaan Malaysia adalah kuasa perantara dan bukannya sebuah negara kecil yang langsung tidak berpengaruh. Secara mudahnya negara kuasa perantara



**BEBERAPA** pelajar Malaysia yang menuntut di Amerika Syarikat (AS) berpeluang mengambil gambar selfie dengan Najib Tun Razak pada majlis ramah mesra di bangunan Misi Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York, baru-baru ini. Turut hadir Duta Malaysia ke AS, Datuk Dr. Awang Adek Hussin (kanan). - BERNAMA

mampu menjadi pengimbang terhadap negara kuasa besar seperti AS, Rusia dan China. Statusnya agak unik kerana negara kuasa perantara berada di antara negara kuasa besar dan negara lemah.

Paling menyerlah Malaysia sebagai kuasa perantara adalah dalam isu tuntutan sempadan maritim di Laut China Selatan yang turut melibatkan dua kuasa besar iaitu AS dan China. Malaysia tidak pernah mempamerkan tindak-tanduk menyebelahi salah satu kuasa besar walaupun terdapat tekanan yang begitu hebat untuk mengikut jejak langkah beberapa negara ASEAN lain yang turut terlibat dalam isu ini.

Dasar luar Malaysia adalah untuk berbaik dengan semua pihak tanpa membelakangkan kedaulatan negara dan kadangkala strategi sebegini kurang difahami oleh sesetengah pihak termasuk jiran serantau. Banyakkan setiap tahun latihan ketenteraan Kerjasama Kesiagaan dan Latihan (CARAT) dilaksanakan secara bersama di antara Malaysia-AS di kawasan yang paling sensitif iaitu Laut China Selatan. Sudah pasti Beijing memandang serong terhadap niat sebenar latihan sebegini.

Tetapi yang paling menakutkan adalah Malaysia juga menjalankan latihan ketenteraan dengan China yang dinamakan 'Eksesais keamanan dan persahabatan' dan paling ironis di Selat Melaka yang dianggap oleh AS sebagai lautan yang paling sensitif buat mereka.

Dasar luar sebegini walaupun begitu sukar untuk diamalkan telah dilabel oleh Najib sebagai keterlibatan konstruktif iaitu berbaik dengan semua pihak tanpa mengorbankan prinsip dan kedaulatan negara. Melalui strategi ini Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang mempunyai kepimpinan yang boleh dipercayai kerana setiap tindakan Kuala Lumpur adalah terbuka dan berasaskan kepentingan Malaysia dan bukan negara yang berada di sebalik tabir.

Sebab itu, ketika operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) MH370 dilakukan di perairan Laut China Selatan tahun lalu, ia disertai oleh 26 negara. Perlu ditekankan antara empat negara yang terlibat dalam operasi SAR iaitu AS, China, Filipina dan Vietnam, kesemua negara tersebut mempunyai kepentingan dalam tuntutan sempadan bertindih di perairan Laut China Selatan.

Tidak keterlaluan jika diandaikan mengapa negara tersebut sanggup mengenyahkan pertikaian buat sementara ada kena mengena dengan konsep keterlibatan konstruktif dasar luar Malaysia.

Malaysia juga hebat dengan pengamalan dasar luar demi mencari keadilan dan cara Malaysia mengendalikannya kemelut penerbangan MH17 yang ditembak jatuh menjadi teladan utama dalam dunia diplomasi global. Ketika hampir seluruh pemimpin dunia menuduh pemberontak yang bertanggung-

jawab menembak jatuh MH17, Najib secara senyap membuka saluran komunikasi dengan kumpulan ketua pemberontak.

Strategi sebegini iaitu sebuah negara berdaulat berkomunikasi dengan kumpulan pemberontak dianggap satu langkah yang menongkah arus perdana diplomasi. Tetapi ternyata strategi Najib telah membuahkan hasil apabila kotak hitam MH17 diserahkan kepada Malaysia dan kawasan kemalangan dibuka kepada penyiasat antarabangsa.

Kemampuan negara untuk menjadi negara kuasa perantara yang hebat sepatutnya menimbulkan rasa kebanggaan dalam kalangan rakyat kerana Malaysia hakikatnya hanyalah sebuah negara kecil dan mempunyai kekuatan tentera atau ekonomi yang amat terhad.

Hasrat sebegini perlu disokong oleh semua lapisan rakyat dan strateginya pula perlu diperhalusi terutama sekali oleh Wisma Putra kerana ia banyak berkaitan dengan pengalaman dasar luar negara yang mempunyai hubungan kait dengan konsep keterlibatan konstruktif.

Sebab itu, kekuatan kombo kerusi UNSC dan Pengerusi ASEAN tidak keterlaluan jika diandaikan tahun 2015 telah menjadi lebih menarik dalam hal geopolitik bukan hanya untuk Malaysia atau ASEAN sahaja tetapi juga untuk dunia.

**PENULIS** ialah Geostrategis Institut Geospasial dan Sekolah Perdana UTM.